



Polisi

# Ultima Care Personal Accident

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**Berjaya Sampo Insurance Berhad**  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,  
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933  
Tel.: 03-2170 7300  
E-mel: [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)  
Laman Web: [www.berjaysompo.com.my](http://www.berjaysompo.com.my)

Lihat untuk  
lebih banyak produk



UCPA0424

## Isi Kandungan

|   |           |
|---|-----------|
| <b>NOTIS PENTING .....</b>                                  | <b>3</b>  |
| <b>PERSETUJUAN KAMI.....</b>                                | <b>4</b>  |
| <b>KEWAJIPAN PENDEDAHAN.....</b>                            | <b>4</b>  |
| <b>DEFINISI.....</b>  | <b>4</b>  |
| <b>APA YANG KAMI LINDUNGI .....</b>                         | <b>5</b>  |
| <b>PENGECUALIAN AM (TERPAKAI KEPADA SEMUA MANFAAT).....</b> | <b>12</b> |
| <b>WARANTI /FASAL-FASAL/LANJUTAN.....</b>                   | <b>13</b> |
| <b>BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN.....</b>          | <b>15</b> |
| <b>BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN .....</b>               | <b>15</b> |
| <b>BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA.....</b> | <b>16</b> |

## NOTIS PENTING

Ini adalah **Polisi Ultima Care Personal Accident Anda**. **Anda** harus berpuas hati bahawa **Polisi** ini akan memenuhi keperluan **Anda**. **Anda** perlu membaca dan memahami terma, syarat dan waranti polisi dan berbincang dengan penasihat insurans, ejen, broker **Anda** dan/atau dengan **Kami** secara langsung untuk maklumat lanjut dan/atau untuk menjelaskan sebarang keraguan yang **Anda** miliki, sebelum **Anda** membeli **Polisi** ini. Jika terdapat sebarang kesilapan atau salah huraian, atau perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, sila kembalikan **Polisi** kepada **Kami** dengan segera untuk pengubahsuaian.

**Anda** hendaklah mematuhi sepenuhnya dan memenuhi terma, syarat dan waranti **Polisi** ini untuk menikmati perlindungan yang disediakan. Jika **Anda** mempunyai sebarang soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi **Kami** untuk penjelasan selanjutnya. Jika terdapat apa-apa perubahan dalam pengakuan **Anda** yang mungkin menjejaskan insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada **Kami** dengan segera, jika tidak, anda mungkin tidak menerima faedah **Polisi** ini.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, **Kami** akan menghantar salinan bercetak bagi **Polisi** ini sekali sahaja. Sila simpan **Polisi** ini dengan selamat. Sekiranya berlaku pembaharuan dan/atau pengubahsuaian **Polisi Anda**, **Kami** akan menghantar **Jadual Polisi** dan/atau **Pengendorsan** sahaja kepada **Anda**. Sekiranya pada bila-bila masa **Anda** memerlukan salinan **Polisi**, sila muat turun daripada [www.berjaysompo.com.my](http://www.berjaysompo.com.my).

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, sila hubungi:

### UNIT ADUAN – PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Berjaya Sampo Insurance Berhad  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank  
105 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2170 7300  
Talian Bebas Tol : 1-800-889-933  
Faks : 03-2170 4800  
E-Mel : [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan tindak balas **Kami**, **Anda** mungkin memilih untuk menghubungi sama ada:

### OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Tingkat 14, Main Block  
Menara Takaful Malaysia  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel. : 03-2272 2811  
Faks : 03-2272 1577  
E-mel : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

BNMLINK  
Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 /03-2174 1717 (Luar negara)  
Fax : 03-2174 1515  
eLINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

## PERSETUJUAN KAMI

Polisi ini bersama-sama dengan **Jadual Polisi** dan sebarang **Pengendorsan** mesti dibaca bersama kerana ia membentuk kontrak insurans **Anda** dengan **Kami**. Dokumen-dokumen ini menggambarkan terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami** dan dikeluarkan sebagai balasan terhadap pembayaran premium sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan apabila **Anda** memohon untuk insurans ini dan pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa **Anda** memohon Polisi ini dan masa kontrak insurans ini dikuatkuasakan.

## KEWAJIPAN PENDEDAHAN

**Anda** mempunyai kewajiban untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak membuat sebarang salah nyataan. **Anda** harus menjawab soalan-soalan secara lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dalam menjawab pertanyaan boleh mengakibatkan pengelakkan kontrak insurans, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan **Anda** dan dalam pendedahan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.

**Anda** mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans **Anda** dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, mana-mana maklumat yang diberikan apabila **Anda** memohon insurans ini tidak tepat atau telah berubah.

Pada masa pembelian insurans ini dan pada bila-bila masa semasa kesahihan kontrak insurans ini, **Anda** mesti dengan segera memaklumkan kepada **Kami** tentang sebarang insurans lain yang **Anda** beli yang menyediakan jenis perlindungan yang sama dengan perlindungan yang diinsuranskan di bawah kontrak insurans ini.

## DEFINISI

Sesetengah perkataan dan ungkapan di dalam Polisi ini telah dicetak dengan huruf **tebal** kerana perkataan dan ungkapan tersebut telah diberikan makna yang khusus seperti berikut:

### **Kemalangan**

Peristiwa mengejut, tidak sengaja, tidak diduga, luar biasa dan khusus yang berlaku pada masa dan di tempat yang boleh dikenal pasti yang mana, secara bebas daripada sebarang sebab lain, menjadi satu-satunya penyebab **Kecederaan**.

### **Anak/Anak-anak**

Anak/Anak-anak **Anda** yang tidak bekerja dan bujang yang berumur antara 30 hari hingga 18 tahun (termasuk kedua-dua umur) atau sehingga 23 tahun bagi yang mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa di mana-mana institusi pengajian tinggi..

### **Pengendorsan**

Perubahan bertulis kepada maklumat, terma, syarat atau jaminan terhadap Polisi ini.

### **Sukan dan Aktiviti Ekstrem**

Apa-apa aktiviti yang sangat berbahaya (iaitu melibatkan tahap kepakaran yang tinggi, aktiviti fizikal yang luar biasa, peralatan atau aksi yang khusus) termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Apa-apa jenis perlumbaan atau pertandingan selain daripada berlumba dengan menggunakan kaki;
- Mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali dan panduan), mendaki batu, mendaki dalam ruangan tertutup, penurunan cerun, meneroka gua;
- Mendaki atau menyusuri di kawasan terpencil melainkan dengan pemandu arah berlesen;
- Apa-apa aktiviti yang melibatkan **Anda** berada di udara (sama ada digantung atau tidak) tidak terhad kepada payung terjun, terbang di dalam belon udara panas, luncur gantung, sukan terjun udara atau menyelam, atau aktiviti udara yang lain selain sebagai penumpang di dalam pengangkut berjadual);
- Lompat ski air atau sebarang aktiviti bawah laut yang melibatkan penggunaan alat pernafasan bawah air;
- Bola sepak, ragbi, bola sepak Amerika; atau
- Motocross, motocross bebas atau apa-apa jenis aktiviti menggunakan motorsikal di luar jalan raya.

### **Keluarga**

Suami / isteri **Anda** yang sah pada permulaan Polisi ini dan semasa membuat tuntutan dan apa-apa bilangan **Anak/Anak-anak** yang dinamakan sebagai **Orang Diinsuranskan** dalam **Jadual Polisi**.

### **Isi Rumah**

Sesiapa yang tinggal serumah dengan **Anda**, sama ada berkaitan atau tidak dengan **Anda** dan termasuk **Keluarga Anda**.

### **Kecederaan**

Kecederaan tubuh yang disebabkan oleh **Kemalangan**.

### Pengamal Perubatan

Pengamal perubatan yang berkelayakan, berdaftar dan dilesenkan oleh pihak berkuasa kesihatan/dewan perubatan/badan profesional untuk mengamalkan perubatan barat dan yang dalam memberikan rawatan sedemikian, mengamalkan profesionnya dalam skop perlesenan dan latihan pengamalan perubatan, dengan syarat **Pengamal Perubatan** itu bukan **Anda** ataupun berkenaan dengan **Anda**.

### Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal

Jumlah diinsuranskan yang tercatat di **Jadual Polisi** untuk kematian atau **Kehilangan Upaya Kekal** dan tidak termasuk bonus pembaharuan jika ada.

### Luar Negara

Di luar Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Thailand.

### Tempoh Insurans

Tempoh perlindungan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

### Kehilangan Upaya Kekal

**Kecederaan** yang dialami semasa **Kemalangan** dan diperakui oleh **Pengamal Perubatan** sebagai kekal.

### Barangan Peribadi

Semua barang yang boleh dinilai secara kewangan (tidak termasuk wang tunai) yang berada dalam simpanan **Anda** pada masa **Kecurian Ragut** atau percubaan **Kecurian Ragut**.

### Jadual Polisi

Dokumen di mana butiran mengenai maklumat peribadi **Anda**, jenis perlindungan, manfaat, premium dan jumlah diinsuranskan dinyatakan.

### Sistem Peraturan Sembilan

Kaedah yang digunakan untuk mengira kawasan permukaan badan terluka akibat terbakar, di mana kawasan permukaan tersebut ditentukan kepada kawasan tertentu.

### Kecurian Ragut

Ini merangkumi rompakan atau percubaan merompak dan merebut ragut keadaan di mana **Barangan Peribadi Anda** direbut, atau percubaan direbut, dari kenderaan **Anda** yang sedang bergerak.

### Anda/Kamu/Diinsuranskan

Seseorang atau badan korporat yang Polisi telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi orang yang secara khusus dikenal sebagai **Orang Diinsuranskan** dalam **Jadual Polisi**.

### Kami/Syarikat

Berjaya Sompo Insurance Berhad.

### Orang Diinsuranskan

Setiap individu seperti yang disebut dalam **Jadual Polisi** yang berumur di bawah 80 tahun dan/atau mestilah seorang warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Permit Kerja, Pemegang Pas Pekerjaan, Pemegang Pas Pelajar atau sebaliknya orang yang bekerja secara sah di Malaysia.

## APA YANG KAMI LINDUNGI

**Kami** bersetuju untuk melindungi **Orang Diinsuranskan** terhadap kematian, **Kecederaan**, kerugian dan/atau kerosakan sehingga jumlah diinsuranskan didalam **Jadual Polisi** selaras dengan syarat, pengecualian dan batasan yang terkandung di dalam Polisi ini. Untuk rancangan **Keluarga**, had **Keluarga** akan dikenakan semasa pembayaran manfaat.

Ia adalah syarat asas dan mutlak Polisi ini bahawa premium mesti dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula.

### Jadual Manfaat:

| MANFAAT    | Had Setiap Individu                    | Jumlah Diinsuranskan (RM)                                  |                            |                              |                              |                              |                                |                                |                                 |                                   |
|------------|--|--|----------------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|-----------------------------------|
|            |  | Pelan 1  | Pelan 2                    | Pelan 3                      | Pelan 4                      | Pelan 5                      | Pelan 6                        | Pelan 7                        | Pelan 8                         |                                   |
| <b>1.0</b> | <b>PERLINDUNGAN ASAS</b>               |  |                            |                              |                              |                              |                                |                                |                                 |                                   |
| 1.1        | Kematian/<br>Kehilangan<br>Upaya Kekal | Setiap Dewasa<br>Setiap Kanak-<br>kanak<br>Setiap Keluarga | 60,000<br>9,000<br>180,000 | 120,000<br>18,000<br>360,000 | 180,000<br>27,000<br>540,000 | 250,000<br>37,500<br>750,000 | 360,000<br>54,000<br>1,080,000 | 500,000<br>75,000<br>1,500,000 | 750,000<br>112,500<br>2,250,000 | 1,000,000<br>150,000<br>3,000,000 |

| MANFAAT    | Had Setiap Individu   | Jumlah Diinsuranskan (RM)   |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
|------------|---|---|--|-------------------|---------------------|---------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
|            |   | Pelan 1   | Pelan 2  | Pelan 3           | Pelan 4             | Pelan 5             | Pelan 6              | Pelan 7              | Pelan 8              |                      |
| <b>1.0</b> | <b>PERLINDUNGAN ASAS</b>  |   |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 1.2        | Bonus Pembaharuan   | 10% kenaikan <b>Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal</b> untuk kematian atau <b>Kehilangan Upaya Kekal</b> bagi setiap tahun tertakluk kepada maksimum 100% |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 1.3        | Indemniti Berganda  | Setiap Dewasa   | 120,000  | 240,000           | 360,000             | 500,000             | 720,000              | 1,000,000            | 1,500,000            | 2,000,000            |
|            |   | Setiap Kanak-kanak<br>Setiap Keluarga   | 18,000<br>360,000  | 36,000<br>720,000 | 54,000<br>1,080,000 | 75,000<br>1,500,000 | 108,000<br>2,160,000 | 150,000<br>3,000,000 | 225,000<br>4,500,000 | 300,000<br>6,000,000 |
| 1.4        | Liabiliti Diri  | Setiap Dewasa   | 60,000   | 120,000           | 180,000             | 250,000             | 360,000              | 500,000              | 750,000              | 1,000,000            |
|            |   | Setiap Kanak-kanak  | 9,000  | 18,000            | 27,000              | 37,500              | 54,000               | 75,000               | 112,500              | 150,000              |
|            |   | Setiap Keluarga   | 180,000  | 360,000           | 540,000             | 750,000             | 1,080,000            | 1,500,000            | 2,250,000            | 3,000,000            |
| <b>2.0</b> | <b>PERLINDUNGAN PILIHAN</b>   |   |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| <b>2.1</b> | <b>RIDER 1</b>  |   |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.1.1      | Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara / Mingguan (maksimum 52 minggu) Kelas 1 & 2 Kelas 3 | Setiap Dewasa<br>Setiap Dewasa  | 60<br>60   | 120<br>60         | 180<br>60           | 200<br>100          | 250<br>150           | 375<br>N/A           | 500<br>N/A           | 750<br>N/A           |
| <b>2.2</b> | <b>RIDER 2</b>  |   |  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.2.1      | Perbelanjaan Perubatan  | Setiap Dewasa/<br>Kanak-kanak<br>Setiap Keluarga  | 3,500<br>10,500  | 4,500<br>13,500   | 5,500<br>16,500     | 6,500<br>19,500     | 7,500<br>22,500      | 8,500<br>25,500      | 9,500<br>28,500      | 10,500<br>31,500     |
| 2.2.2      | Rawatan Perubatan Alternatif (sehingga RM50 setiap lawatan)                               | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br><br>Setiap Keluarga   | 500 setiap kemalangan<br><br>1,500 setiap kemalangan                         |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.2.3      | Yuran Ambulan   | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br>Setiap Keluarga   | 1,000 setiap kemalangan<br>3,000 setiap kemalangan                           |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.2.4      | Penjagaan Pesakit Di Rumah Mingguan (maks 4 minggu)                                       | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br><br>Setiap Keluarga   | 600 setiap kemalangan setiap minggu<br>1,800 setiap kemalangan setiap minggu |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.2.5      | Pembetulan Pergigian dan / atau Pembedahan Kosmetik Membaikpulih                          | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br><br>Setiap Keluarga   | 5,000 setiap kemalangan<br>15,000 setiap kemalangan                          |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |
| 2.2.6      | Pendapatan Hospital Mingguan (maks 52 minggu) Kelas 1 & 2                                 | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak  | 150  | 250               | 300                 | 350                 | 500                  | 700                  | 850                  | 1,000                |
|            |   | Setiap Keluarga   | 450  | 750               | 900                 | 1,050               | 1,500                | 2,100                | 2,550                | 3,000                |
| 2.2.7      | Pendapatan Hospital Mingguan (maks 52 Minggu) Kelas 3                                     | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br><br>Setiap Keluarga   | 100<br>300   | 150<br>450        | 200<br>600          | 250<br>750          | 300<br>900           | N/A<br>N/A           | N/A<br>N/A           | N/A<br>N/A           |
| 2.2.8      | Elaun Pengebumian   | Setiap Dewasa /<br>Kanak-kanak<br>Setiap Keluarga   | 5,000<br>15,000  |                   |                     |                     |                      |                      |                      |                      |

| 2.2                       |   | RIDER 2                     |                                  |         |         |         |           |           |           |           |
|---------------------------|---|-----------------------------|----------------------------------|---------|---------|---------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 2.2.9                     | Elaun Perkabungan (Kematian Disebabkan Demam Denggi, Malaria atau JE) | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 6,000                            | 12,000  | 18,000  | 25,000  | 36,000    | 50,000    | 75,000    | 100,000   |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 18,000                           | 36,000  | 54,000  | 75,000  | 108,000   | 150,000   | 225,000   | 300,000   |
| 2.2.10                    | Elaun Lawatan Hospital Harian (maksimum 50 hari)                      | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 30 setiap hari<br>90 setiap hari |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             |                                  |         |         |         |           |           |           |           |
| 2.2.11                    | Luka Terbakar yang serius   | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 3,000                            | 6,000   | 9,000   | 12,500  | 15,000    | 25,000    | 37,500    | 50,000    |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 9,000                            | 18,000  | 27,000  | 37,500  | 45,000    | 75,000    | 112,500   | 150,000   |
| 2.2.12                    | Koma  | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 60,000                           | 120,000 | 180,000 | 250,000 | 360,000   | 500,000   | 750,000   | 1,000,000 |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 180,000                          | 360,000 | 540,000 | 750,000 | 1,080,000 | 1,500,000 | 2,250,000 | 3,000,000 |
| 2.2.13                    | Alat Ganti Palsu/ Kerusi Roda   | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 2,000                            |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 6,000                            |         |         |         |           |           |           |           |
| 2.2.14 Manfaat Penculikan |   |                             |                                  |         |         |         |           |           |           |           |
|                           | i. Perbelanjaan keperluan   | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 5,000                            |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 15,000                           |         |         |         |           |           |           |           |
|                           | ii. Ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan              | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 25,000                           |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 75,000                           |         |         |         |           |           |           |           |
|                           | iii. Orang Diinsuranskan tidak ditemui setelah 1 tahun                | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 60,000                           | 120,000 | 180,000 | 250,000 | 360,000   | 500,000   | 750,000   | 1,000,000 |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 180,000                          | 360,000 | 540,000 | 750,000 | 1,080,000 | 1,500,000 | 2,250,000 | 3,000,000 |
| 2.2.15                    | Keguguran akibat kemalangan kenderaan bermotor                        | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 1,500                            |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 4,500                            |         |         |         |           |           |           |           |
| 2.2.16                    | Darah yang Tercemar / Pemindahan Darah                                | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 5,000                            | 12,000  | 18,000  | 25,000  | 36,000    | 50,000    | 75,000    | 100,000   |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 15,000                           | 36,000  | 54,000  | 75,000  | 108,000   | 150,000   | 225,000   | 300,000   |
| 2.2.17                    | Kemandulan atau Ketidaksuaburan                                       | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 6,000                            | 12,000  | 18,000  | 25,000  | 36,000    | 50,000    | 75,000    | 100,000   |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 18,000                           | 36,000  | 54,000  | 75,000  | 108,000   | 150,000   | 225,000   | 300,000   |
| 2.2.18                    | Perlindungan Kewangan   | Setiap Dewasa               | 2,000                            | 3,000   | 4,000   | 5,000   | 6,000     | 7,000     | 8,000     | 9,000     |
| 2.2.19                    | Pampasan Kecurian Ragut   | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 500                              |         |         |         |           |           |           |           |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 1,500                            |         |         |         |           |           |           |           |
| 2.3                       |   | RIDER 3                     |                                  |         |         |         |           |           |           |           |
| 2.3.1                     | Perlindungan Keganasan  | Setiap Dewasa / Kanak-kanak | 50,000                           | 100,000 | 120,000 | 120,000 | 150,000   | 200,000   | 220,000   | 250,000   |
|                           |   | Setiap Keluarga             | 150,000                          | 300,000 | 360,000 | 360,000 | 450,000   | 600,000   | 660,000   | 750,000   |

### PERLINDUNGAN ASAS

| Skala Pampasan |                        | Peratusan Jumlah Diinsuranskan (%) |
|----------------|------------------------|------------------------------------|
| A              | Kematian               | 100                                |
| B              | Kehilangan Upaya Kekal | 100                                |



|    |   |   |     |
|----|---|---|-----|
| a) | Kehilangan dua anggota  | 100   |     |
| b) | Kehilangan dua tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari   | 100   |     |
| c) | Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata   | 100   |     |
| d) | Kelumpuhan menyeluruh   | 100   |     |
| e) | Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal  | 100   |     |
| f) | Mana-mana kecederaan lain yang mengakibatkan ketidakupayaan secara menyeluruh dan kekal daripada menjalankan mana-mana dan setiap jenis pekerjaan | 100   |     |
| g) | Kehilangan lengan   | - Kehilangan lengan antara bahu dan siku                        | 100 |
|    |   | - Kehilangan lengan di siku                                     | 100 |
|    |   | - Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan          | 100 |
| h) | Kehilangan tangan di pergelangan tangan   | 100   |     |
| i) | Kehilangan kaki   | - Di peha   | 100 |
|    |   | - Di antara lutut dan peha                                      | 100 |
|    |   | - Di bawah lutut  | 100 |
| j) | Mata: Kehilangan  | - Kesemua mata  | 100 |
|    |   | - Kesemua penglihatan di sebelah mata                           | 100 |
|    |   | - Kesemua penglihatan di sebelah mata kecuali penerimaan cahaya | 50  |
|    |   | - Kanta sebelah mata  | 50  |
| k) | Kehilangan empat jari dan ibu jari di sebelah tangan  | 50  |     |
| l) | Kehilangan empat jari   | 40  |     |
| m) | Kehilangan ibu jari   | - kedua-dua ruas  | 25  |
|    |   | - satu ruas   | 10  |
| n) | Kehilangan jari telunjuk  | - tiga ruas   | 10  |
|    |   | - dua ruas  | 8   |
|    |   | - satu ruas   | 4   |
| o) | Kehilangan jari tengah  | - tiga ruas   | 6   |
|    |   | - dua ruas  | 4   |
|    |   | - satu ruas   | 2   |
| p) | Kehilangan jari manis   | - tiga ruas   | 6   |
|    |   | - dua ruas  | 4   |
|    |   | - satu ruas   | 2   |
| q) | Kehilangan jari kelingking  | - tiga ruas   | 6   |
|    |   | - dua ruas  | 4   |
|    |   | - satu ruas   | 2   |
| r) | Kehilangan metacarpus   | - pertama atau kedua (tambahan)                                 | 3   |
|    |   | - ketiga, empat atau kelima (tambahan)                          | 2   |
| s) | Kehilangan jari kaki  | - semua   | 15  |
|    |   | - ibu jari kaki, kedua-dua ruas                                 | 5   |
|    |   | - ibu jari kaki, satu ruas                                      | 2   |
|    |   | - jari kaki lain (setiap satu)                                  | 1   |
| t) | Kehilangan pendengaran  | - kedua-dua telinga   | 75  |
|    |   | - sebelah telinga   | 15  |
| u) | Kehilangan percakapan   | 50  |     |
| v) | Kehilangan keseluruhan telinga  | - kedua-dua belah   | 6   |
|    |   | - sebelah   | 3   |



**Kami** akan membayar **Anda** atau waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Orang Diinsuranskan** yang sah, amaun yang dinyatakan dalam Manfaat 1.1 untuk kematian **Orang Diinsuranskan** atau jika **Orang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** semasa **Tempoh Insurans**.

Apabila **Kecederaan** tidak dinyatakan oleh **Pengamal Perubatan**, **Kami** akan menggunakan peratusan kehilangan upaya selepas berunding dengan **Pengamal Perubatan** bebas **Kami**.

Agregat bagi kesemua peratusan yang boleh dibayar di bawah Manfaat 1.1 (**Kehilangan Upaya Kekal**) berhubung dengan mana-mana satu **Kemalangan** dan/atau mana-mana satu **Tempoh Insurans** hendaklah tidak melebihi 100% atau 200% sekiranya Manfaat 1.3 diterima pakai.

#### **Manfaat 1.2 – Bonus Pembaharuan**

Jumlah diinsuranskan akan ditingkatkan sebanyak 10% setiap tahun pada setiap pembaharuan hingga maksimum 100% daripada **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal**, dengan syarat tarikh pembaharuan sedemikian bersambung dari Polisi yang telah tamat tempoh sebelumnya. Sebaik sahaja suatu tuntutan dibuat untuk Manfaat 1.1 (**Kehilangan Upaya Kekal**), Manfaat 2.2.14 atau Manfaat 1.4, maka apa-apa bonus pembaharuan yang terkumpul akan dilucut haknya.

Pembayaran Manfaat 1.2 hanya akan terpakai untuk Manfaat 1.1, Manfaat 2.2.14 dan Manfaat 1.4.

#### **Manfaat 1.3 – Indemniti Berganda**

**Kami** akan membayar kepada **Anda** atau waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Orang Diinsuranskan** yang sah dua kali ganda **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** untuk kematian, kelumpuhan menyeluruh atau kehilangan penggunaan dua anggota badan sekiranya **Kemalangan** berlaku kepada **Orang Diinsuranskan** semasa **Orang Diinsuranskan** melakukan perjalanan sebagai penumpang berbayar melalui mana-mana kaedah pengangkutan awam yang berlesen dan mempunyai permit dari pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengendalikan perkhidmatan sedemikian atau semasa **Orang Diinsuranskan** melancong ke **Luar Negara**.

#### **Manfaat 1.4 – Liabiliti Diri**

**Kami** akan menanggung kerugian kepada **Orang Diinsuranskan** terhadap liabiliti yang timbul daripada **Kemalangan** yang terjadi di mana-mana tempat di Malaysia sewaktu **Tempoh Insurans**.

- 1) Semua jumlah yang ditanggung **Orang Diinsuranskan** untuk membayar pampasan berhubung dengan:
  - a) Kerosakan harta; atau
  - b) Kecederaan anggota ke atas mana-mana orang yang :
    - i. bukan **Isi Rumah Orang Diinsuranskan** ; atau
    - ii. tidak berada di bawah kontrak perkhidmatan dengan **Orang Diinsuranskan** jika orang itu mengalami kecederaan semasa bekerja dengan **Orang Diinsuranskan** .
- 2) Semua kos dan perbelanjaan litigasi
  - a) Yang dipulihkan oleh mana-mana pihak yang menuntut terhadap **Orang Diinsuranskan** ; atau
  - b) Yang ditanggung oleh **Kami** dengan persetujuan bertulis dari **Kami** mengenai tuntutan terhadap **Orang Diinsuranskan** untuk sebarang pampasan.

Sekiranya berlaku kematian **Orang Diinsuranskan** , **Kami** akan membayar ganti rugi kepada wakil peribadi sah **Orang Diinsuranskan** tertakluk kepada batasan Polisi ini dengan syarat bahawa perwakilan peribadi sah tersebut harus mematuhi dan tertakluk pada terma dan syarat Polisi ini seolah-olah mereka adalah **Orang Diinsuranskan**.

#### **Had kepada Maafaat 1.4**

*Liabiliti **Kami** di bawah Manfaat ini untuk semua pampasan yang perlu dibayar terhadap mana-mana pihak yang menuntut dan segala kos dan perbelanjaan litigasi yang perlu dibayar tidak melebihi **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** Manfaat 1.1 atau RM1,000,000.00 yang mana lebih rendah berkenaan dengan satu **Kemalangan** dan **Tempoh Insurans**.*

### **PERLINDUNGAN PILIHAN (RIDER 1)**

#### **Manfaat 2.1.1 – Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara / Mingguan**

**Kami** akan membayar kepada **Orang Diinsuranskan** sekiranya **Orang Diinsuranskan** tidak dapat terlibat atau menjalankan secara penuh pekerjaan biasa, profesion atau perniagaan **Orang Diinsuranskan** akibat daripada **Kecederaan** yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan**. Tempoh pampasan yang dibayar hendaklah tidak melebihi 52 minggu untuk sebarang **Kecederaan** yang dikira dari tarikh pertama **Orang Diinsuranskan** diperiksa oleh **Pengamal Perubatan**.

### **PERLINDUNGAN PILIHAN (RIDER 2)**

#### **Manfaat 2.2.1 – Perbelanjaan Perubatan**

**Kami** akan membayar balik kepada **Orang Diinsuranskan** untuk yuran, caj atau perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang diterima untuk perubatan atau pembedahan yang dihadiri oleh **Pengamal Perubatan** dengan syarat perbelanjaan pertama tersebut ditanggung dalam tempoh 14 hari dari tarikh **Kemalangan**. Perbelanjaan perubatan **Orang Diinsuranskan** juga termasuk perkara berikut::

- 1) Perbelanjaan Perubatan untuk Demam Denggi, Malaria atau 'Japanese Encephalitis' (JE)  
**Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang dikenakan untuk penahanan di hospital, rawatan termasuk bilik hospital, perkhidmatan kejururawatan awam dan hidangan makanan..
- 2) Yuran Laporan Perubatan dan/atau Laporan Post Mortem  
**Kami** akan membayar balik kos sebenar yang ditanggung sepenuhnya untuk mendapatkan laporan perubatan dan/atau laporan post mortem..

#### **Manfaat 2.2.2 – Rawatan Perubatan Alternatif**

**Kami** akan membayar balik **Orang Diinsuranskan** untuk perbelanjaan, termasuk perubatan untuk rawatan sedemikian dengan syarat terdapat resit sokongan.. Perubatan alternatif adalah rawatan dari pengamal perubatan tradisional berdaftar, osteopath, ahli fisioterapi dan / atau chiropractor dengan syarat rawatan pertama telah dibuat dengan **Pengamal Perubatan**.

#### **Manfaat 2.2.3 – Yuran Ambulan**

**Kami** akan membayar balik kepada **Orang Diinsuranskan** bayaran sebenar yang dikenakan untuk perkhidmatan ambulans di dalam Malaysia untuk mengangkut **Orang Diinsuranskan** ke dan/atau dari hospital dengan syarat bahawa yuran ambulans sedemikian ditanggung akibat daripada **Kemalangan** yang menyebabkan kemasukan **Orang Diinsuranskan** ke hospital.

#### **Manfaat 2.2.4 – Penjagaan Pesakit di Rumah Mingguan**

**Kami** akan membayar balik bayaran sebenar yang ditanggung oleh **Orang Diinsuranskan** untuk mana-mana perkhidmatan rawatan pesakit yang disediakan oleh seorang jururawat yang berdaftar yang diperlukan dari segi perubatan untuk penjagaan **Orang Diinsuranskan** yang tidak berupaya secara menyeluruh akibat daripada **Kemalangan** dengan syarat:

- 1) **Orang Diinsuranskan** dibawah penjagaan langsung oleh seorang **Pengamal Perubatan**;
- 2) Pelan rawatan untuk penjagaan di rumah telah disediakan dan diluluskan oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat;
- 3) **Orang Diinsuranskan** telah dirawat di hospital sekurangnya 3 hari; dan
- 4) Jururawat tersebut telah diambil berkhidmat dalam tempoh 7 hari daripada tarikh **Orang Diinsuranskan** dibenarkan keluar dari hospital.

Tiada pembayaran akan dibuat untuk penjagaan hidangan makanan, perkhidmatan penjagaan rumah, penjagaan pengiring dan barangan keselesaan peribadi **Orang Diinsuranskan**.

#### **Manfaat 2.2.5 – Pembedahan Pergigian dan / atau Pembedahan Kosmetik Membaikpulih**

**Kami** akan membayar balik kepada **Orang Diinsuranskan** bayaran sebenar yang dikenakan untuk pembedahan pergigian dan/atau pembedahan kosmetik membaikpulih yang dilakukan ke atas leher, kepala atau dada (pusat ke atas) **Orang Diinsuranskan** disebabkan oleh **Kemalangan** yang mengakibatkan **Kehilangan Upaya Kekal** dengan syarat bahawa ia telah disarankan dan dilakukan oleh ortodontik atau pakar bedah kosmetik.

#### **Manfaat 2.2.6 / Manfaat 2.2.7 – Pendapatan Hospital Mingguan (Kelas 1 & 2) / (Kelas 3)**

**Kami** akan membayar kepada **Orang Diinsuranskan** untuk tempoh penahanan di hospital tidak melebihi 52 minggu akibat daripada **Kecederaan** yang memerlukan penahanan di sebuah hospital berdaftar dengan syarat bahawa kemasukan di hospital tersebut mestilah berlaku dalam masa 24 jam dari tarikh **Kemalangan**. Semua tempoh penahanan di hospital yang diakibatkan oleh sebab yang sama akan dianggap sebagai satu **Kemalangan**.

**PENTING:** **Orang Diinsuranskan** hanya boleh membuat tuntutan sama ada **Manfaat 2.2.6** atau **Manfaat 2.2.7** mengikut jenis perlindungan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

#### **Manfaat 2.2.8 – Elaun Pengebumian**

**Kami** akan membayar kepada waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Orang Diinsuranskan** yang sah sekiranya kematian **Orang Diinsuranskan** disebabkan oleh **Kemalangan**.

#### **Manfaat 2.2.9. – Elaun Perkabungan (Kematian disebabkan Demam Denggi, Malaria atau JE)**

**Kami** akan membayar kepada waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Orang Diinsuranskan** yang sah 10% daripada **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** sekiranya kematian **Orang Diinsuranskan** disebabkan oleh Demam Denggi, Malaria atau JE.

#### **Manfaat 2.2.10 – Elaun Lawatan Hospital Harian**

**Kami** akan membayar **Orang Diinsuranskan** untuk tempoh penahanan di hospital tidak melebihi 50 hari dengan syarat bahawa **Manfaat 2.2.6** atau **Manfaat 2.2.7** dibayar.

#### **Manfaat 2.2.11 – Luka Terbakar yang Serius**

**Kami** akan membayar kepada **Orang Diinsuranskan** 5% dari **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** untuk luka terbakar tahap tiga akibat daripada **Kemalangan** merangkumi sekurangnya 20% daripada bahagian badan **Orang Diinsuranskan**. Penilaian peratusan tubuh yang terjejas akibat terbakar akan berdasarkan kepada **Sistem Peraturan Sembilan** yang akan disahkan oleh **Pengamal Perubatan**.

#### **Manfaat 2.2.12 – Koma**

**Kami** membayar kepada waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi sah Anda 100% daripada **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** sebaik sahaja disahkan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Orang Diinsuranskan** berada dalam keadaan koma sekurang-kurangnya 1 tahun disebabkan oleh **Kemalangan**. Walaubagaimanapun, **Kami** berhak mendapatkan kembali bayaran yang telah dibuat sekiranya **Orang Diinsuranskan** kembali sedarkan diri dengan syarat potongan 10% dibuat ke atas bayaran tersebut bagi setiap tahun **Orang Diinsuranskan** berada dalam koma.

#### **Pengecualian terpakai kepada Manfaat 2.2.12**

*Potongan tidak akan dibuat jika **Orang Diinsuranskan** koma selama 10 tahun atau lebih.*

#### **Manfaat 2.2.13 – Alat Ganti Palsu / Kerusi Roda**

Sekiranya **Orang Diinsuranskan** mengalami **Kehilangan Upaya Kekal** disebabkan oleh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar balik kepada **Orang Diinsuranskan** untuk kos membeli sebarang peralatan perubatan berikut dengan syarat bahawa peralatan perubatan sedemikian adalah perlu untuk membantu pergerakan **Orang Diinsuranskan** dan atas cadangan yang dibuat oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat:

- 1) Kerusi roda;
- 2) Lengan atau kaki palsu;
- 3) Topang tongkat.

#### **Manfaat 2.2.14 – Manfaat Penculikan**

**Kami** akan membayar sekaligus wang berjumlah RM5,000.00 untuk perbelanjaan keperluan yang ditanggung oleh keluarga **Orang Diinsuranskan** untuk menjamin pelepasan **Orang Diinsuranskan** dan juga ganjaran sebanyak RM25,000.00 kepada polis untuk maklumat yang membawa kepada pelepasan **Orang Diinsuranskan** dengan syarat bahawa **Orang Diinsuranskan** masih hidup pada masa pelepasan dan ganjaran tersebut mesti ditawarkan dan diselaraskan oleh pihak polis sehingga pelepasan **Orang Diinsuranskan** yang selamat. Pembayaran manfaat ini tertakluk kepada pengesahan oleh pihak polis bahawa tebusan telah dituntut oleh penculik untuk pembebasan **Orang Diinsuranskan**. Di mana tiada tuntutan tebusan telah dibuat, **Kami** tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah manfaat ini. **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** akan dibayar sepenuhnya jika penculikan **Orang Diinsuranskan** telah disahkan dan **Orang Diinsuranskan** tidak dibebaskan selepas tempoh satu tahun dari hari penculikan.

#### **Manfaat 2.2.15 – Keguguran akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor**

**Kami** akan membayar balik **Orang Diinsuranskan** sekiranya **Orang Diinsuranskan** mengalami keguguran akibat **Kemalangan** kenderaan bermotor.

#### **Manfaat 2.2.16 – Darah Tercemar / Pemandahan Darah**

**Kami** akan membayar **Orang Diinsuranskan** 10% dari **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** jika **Orang Diinsuranskan** dijangkiti 'Human Immunodeficiency Virus' (HIV) akibat daripada pemandahan darah semasa menjalani rawatan perubatan untuk **Kecederaan** atau penyakit di sebuah hospital berdaftar dengan syarat:

- 1) **Orang Diinsuranskan** disahkan menghidap HIV positif dalam masa 2 tahun dari tarikh pemandahan darah tersebut.
- 2) Polisi masih berkuatkuasa.
- 3) Manfaat 2.2.1 telah dibayar.

#### **Manfaat 2.2.17 – Kemandulan atau Ketidaksuburan**

**Kami** akan membayar kepada **Orang Diinsuranskan** 10% dari **Jumlah Diinsuranskan Pokok yang Asal** jika **Orang Diinsuranskan** mengalami kemandulan atau ketidaksuburan akibat daripada **Kemalangan** dimana **Kehilangan Upaya Kekal** sedemikian disahkan oleh **Pengamal Perubatan**.

#### **Manfaat 2.2.18 – Perlindungan Kewangan**

**Kami** akan membayar jumlah berdasarkan baki tertunggak kad kredit **Orang Diinsuranskan** yang belum dijelaskan pada tarikh **Kemalangan Orang Diinsuranskan** tetapi tidak melebihi had kad kredit dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya berlakunya kematian **Orang Diinsuranskan** atau **Kehilangan Upaya Kekal Orang Diinsuranskan**. Jika berlakunya beberapa **Kemalangan**, jumlah yang akan dibayar akan berdasarkan jumlah yang diinsuranskan pada kejadian yg berlaku terawal sekali.

#### **Manfaat 2.2.19 – Pampasan Kecurian Ragut**

**Kami** akan membayar ganti rugi kepada **Orang Diinsuranskan** untuk kehilangan atau kerosakan kepada **Barangan Peribadi Orang Diinsuranskan** akibat daripada **Kecurian Ragut**, dengan syarat laporan polis dibuat dalam masa 24 jam dari kejadian **Kecurian Ragut** tersebut.

### **PERLINDUNGAN PILIHAN (RIDER 3)**

#### **Manfaat 2.3.1 – Perlindungan Keganasan**

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Diinsuranskan** terhadap **Kecederaan**, kematian dan **Kehilangan Upaya Kekal** yang mana mungkin dialami melalui kegiatan keganasan dengan syarat tidak ada liabiliti apabila kegiatan tersebut melibatkan penggunaan senjata nuklear, bahan kimia atau biologi yang mungkin menyumbang atau bergabung kepada kebinasaan secara besar-besaran dalam sebarang bentuk.

Untuk tujuan fasal ini:

- 1) Keganasan bermaksud tindakan atau tindakan-tindakan orang perseorangan atau kumpulan, terikat bagi politik, agama, ideologi atau tujuan serupa dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau mengakibatkan orang ramai, atau mana-mana sektor orang ramai, di dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan. Tambahan pula, penganas bagi keganasan boleh dilakukan perseorangan, atau bagi pihak, atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
- 2) Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud menggunakan apa-apa letupan senjata nuklear atau rancangan atau pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan bahan belahan nuklear menghasilkan kepulan asap dan paras radioaktiviti boleh menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.
- 3) Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan apa-apa bahan-bahan keras, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana, bila dibahagikan pada kesesuaiannya, mampu untuk menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.
- 4) Penggunaan senjata biologi untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan apa-apa yang boleh menyebabkan penyakit (menghasilkan wabak) mikroorganisma dan/atau secara biologi menghasilkan toksin (termasuk secara genetik ubahsuai organisma dan secara kimia dalam penghasilan toksin secara tiruan) yang mana mampu untuk menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.

#### PROVISOS (TERPAKAI KEPADA SEMUA MANFAAT)

- 1) Pampasan yang berhubung dengan Manfaat akan dibayar hanya apabila tuntutan telah disahkan dengan kepuasan **Penasihat Perubatan** Kami.
- 2) Apabila Manfaat 1.1 (Kematian) atau 100% daripada Manfaat 1.1 (**Kehilangan Upaya Kekal**) telah dibayar, Manfaat 2.1.1 dan Manfaat 2.2.6 atau Manfaat 4.0 akan dihentikan untuk **Kecederaan** yang sama.
- 3) Manfaat 1.1 (Kematian) atau Manfaat 1.1 (**Kehilangan Upaya Kekal**) tidak boleh dibayar secara agregat dibawah polisi ini.
- 4) Apabila kerugian yang lebih kecil daripada 100% berhubung dengan Manfaat 1.1 (**Kehilangan Upaya Kekal**) telah dibayar, perlindungan di bawah Manfaat 1.1 akan dikurangkan dengan amaun tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat tempoh Polisi..
- 5) **Orang Diinsuranskan** dihadkan kepada Manfaat 1.1 jika **Orang Diinsuranskan** tinggal atau mengembara di **Luar Negara** selama lebih dari 90 hari berturut-turut.

#### PENGECUALIAN AM (TERPAKAI KEPADA SEMUA MANFAAT)

Polisi ini tidak melindungi/tidak membayar tuntutan:

- 1) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau akibat dari:
  - a) Keadaan perubatan **Orang Diinsuranskan** yang sedia ada atau kecacatan mental ;
  - b) Keracunan makanan kecuali Manfaat 1.1 dan Manfaat 2.2.1;
  - c) Demam Denggi, Malaria atau JE kecuali Manfaat 2.2.1 dan Manfaat 2.2.9;
  - d) **Orang Diinsuranskan** membunuh diri atau mencuba untuk membunuh diri, kecederaan yang disengajakan, sengaja mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan untuk menyelamatkan nyawa) atau melakukan jenayah;
  - e) Jangkitan bakteria atau virus atau mana-mana penyakit atau keuzuran, rawatan perubatan atau pembedahan (melainkan ianya dilindungi dalam Polisi ini);
  - f) **Orang Diinsuranskan** berada di bawah kesan atau pengaruh alkohol atau dadah, kecuali ubat itu diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
  - g) Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) dan penyakit berkaitan 'Human Immunodeficiency Virus' (HIV) 'atau mana mana penyakit kelamin dan/atau penghasilan mutan atau variasi daripadanya;
  - h) Kehamilan **Orang Diinsuranskan**, kelahiran anak (pembedahan Caesarean), pengguguran anak, keguguran dan lain-lain kesulitan yang berkaitan melainkan keguguran akibat daripada **Kemalangan**;
  - i) **Orang Diinsuranskan** melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perubatan;
  - j) Penyakit mental **Orang Diinsuranskan**, psikotik, kemurungan, tekanan, gangguan kebimbangan atau gangguan saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
  - k) Apa-apa **Kecederaan** anggota yang akan mengakibatkan hernia.
- 2) Disebabkan kematian atau **Kehilangan Upaya Kekal** atau mana-mana kerugian yang dialami oleh **Orang Diinsuranskan**:
  - a) ketika menunggang atau membonceng di atas kenderaan bermotor dua-roda sebagai suatu sukan dan/atau jika **Orang Diinsuranskan** tidak memakai helmet yang diluluskan dan/atau tidak memiliki lesen memandu yang sah; atau
  - b) semasa menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal melainkan alat-alat mudah alih yang digunakan oleh tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan peribadi tanpa ganjaran.
- 3) Secara langsung atau tidak langsung akibat daripada:
  - a) **Anda** mengambil bahagian secara profesional dalam sukan atau permainan atau dimana **Anda** mendapat pendapatan atau penggajian, penajaan, derma atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan lain; atau
  - b) Penyertaan **Anda** dalam **Sukan dan Aktiviti Ekstrim**.

- 4) Timbul daripada:
  - a) Aktiviti luar pesisir seperti menyelam (bukan rekreasi), melombong, pekerjaan di pelantar minyak, fotografi udara atau mengendalikan letupan;
  - b) Penerbangan udara selain sebagai penumpang berbayar dengan pengangkut berjadual, pesawat berlesen, penerbangan komersial berjadual awam atau heliport komersial;
  - c) Penyertaan **Orang Diinsuranskan** dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang, kerugian yang secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh tindakan pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan, kemusnahan dan sekatan;
  - d) Bekerja di atas kapal dagangan, tentera laut, askar atau tentera udara, bertugas sebagai tentera atau polis secara tetap atau sementara; bertugas di luar Negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan; pekerjaan manual yang berkaitan dengan sebarang perdagangan, penggajian dan pekerjaan;
  - e) Membuat tinjauan, pemasangan pelantar minyak atau kemudahan yang sedang dibina termasuk peninjauan dari udara;
  - f) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, pemusuhan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebarigkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan oleh perintah mana-mana kerajaan atau orang awam atau pihak berkuasa tempatan;
  - g) Apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan atau disumbangkan oleh **Anda** yang melakukan perjalanan berikutan amaran mengenai wabak penyakit, serangan, kerusuhan atau kerusuhan awam, atau bencana alam yang akan datang melalui atau oleh media massa umum;
  - h) Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada teriradiasi bahan api nuklear atau daripada sebarang bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;
  - i) Bahan radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan berbahaya lain daripada mana-mana pemasangan letupan nuklear atau komponen nuclear; atau
  - j) Pelanggaran **Orang Diinsuranskan** terhadap mana-mana Undang-Undang Malaysia.
- 5) Liabiliti di bawah Manfaat 1.4 yang berhubungan dengan:
  - a) Persetujuan melainkan liabiliti sedemikian telah disertakan kepada **Orang Diinsuranskan** walau apa pun persetujuan sedemikian;
  - b) Kerugian yang diakibatkan atau yang ditimbulkan secara langsung atau tidak langsung atau sebagai akibat daripada asbestos dalam apa-apa bentuk atau kuantiti;
  - c) Mana-mana tuntutan atau kerugian oleh **Orang Diinsuranskan** sekiranya **Orang Diinsuranskan** berusia di bawah umur 16 tahun;
  - d) Mana-mana tuntutan atau kerugian yang timbul daripada aktiviti dan/atau perniagaan yang dikendalikan dan/atau dijalankan melalui Internet, Intranet, Extranet dan/atau melalui laman web **Orang Diinsuranskan**, laman Internet, alamat web **Orang Diinsuranskan** dan/atau melalui transmisi mel elektronik atau dokumen melalui kaedah elektronik;
  - e) Kerosakan kepada harta benda yang dimiliki oleh atau dalam jagaan atau di bawah kawalan **Orang Diinsuranskan** atau mana-mana pekerja atau ejen **Orang Diinsuranskan**;
  - f) Kerosakan ke atas harta dimiliki oleh atau dalam jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang yang merupakan ahli **Isi Rumah Orang Diinsuranskan**; atau
  - g) **Kecederaan** atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada:
    - i. mana-mana tanah atau bangunan yang dimiliki atau disewa oleh **Orang Diinsuranskan**;
    - ii. mana-mana motorsikal, kenderaan bermotor, kenderaan yang ditarik oleh kuda, haiwan (selain daripada anjing atau kucing), senjata api bagi semua jenis kapal atau lancang (termasuk benda yang diperbuat atau bertujuan untuk terapung di atasnya atau di dalamnya atau bergerak di atasnya atau melalui air atau udara) yang dimiliki oleh **Orang Diinsuranskan** atau dibawah jagaan **Orang Diinsuranskan**;
    - iii. profesion, perniagaan, atau apa-apa yang berkaitan dengan profesion atau perniagaan **Orang Diinsuranskan**; atau
    - iv. pengubahsuaian, penambahan, pembaikan atau perhiasan pada harta penuntut.
- 6) Pampasan untuk kerosakan berhubung dengan penghakiman yang disampaikan atau diperolehi selain daripada oleh suatu Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di Malaysia.
- 7) Kos dan perbelanjaan litigasi yang didapatkan semula oleh pihak menuntut daripada **Orang Diinsuranskan** yang tidak ditanggung dan tidak boleh diperolehi semula di Malaysia.

## WARANTI /FASAL-FASAL/LANJUTAN

### RUSUHAN, MOGOK DAN KEKECOHAN AWAM

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau **Kehilangan Upaya Kekal** atau mana-mana kerugian seperti yang ditakrifkan di dalam perjanjian ini akibat daripada Rusuhan, Mogok atau Kekecohan Awam dengan syarat **Orang Diinsuranskan** tidak terlibat dalam aktiviti sedemikian secara langsung atau tidak langsung. Rusuhan, Mogok atau Kekecohan Awam adalah bermaksud:

- 1) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak).
- 2) Tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat gangguan sedemikian.
- 3) Perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada suatu mogok atau sebagai tentangan suatu sekat-masuk.
- 4) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah untuk mencegah atau cuba mencegah mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan sedemikian.



## **FASAL PENGECUALIAN PEMUSNAH BESAR-BESARAN KEGANASAN**

Polisi ini melindungi **Orang Diinsuranskan** terhadap **Kecederaan**, kematian dan **Kehilangan Upaya Kekal** yang mana mungkin dialami melalui kegiatan keganasan dengan syarat tidak ada liabiliti apabila kegiatan tersebut melibatkan penggunaan senjata nuklear, bahan kimia atau biologi yang mungkin menyumbang atau bergabung kepada kebinasaan secara besar-besaran dalam sebarang bentuk.

Untuk tujuan fasal ini:

- 1) Keganasan bermaksud tindakan atau tindakan-tindakan orang perseorangan atau kumpulan, terikat bagi politik, agama, ideologi atau tujuan serupa dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau mengakibatkan orang ramai, atau mana-mana sektor orang ramai, di dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan. Tambahan pula, pengganas bagi keganasan boleh dilakukan perseorangan, atau bagi pihak, atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
- 2) Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud menggunakan apa-apa letupan senjata nuklear atau rancangan atau pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan bahan belahan nuklear menghasilkan kepulan asap dan paras radioaktiviti boleh menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.
- 3) Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan apa-apa bahan-bahan keras, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana, bila dibahagikan pada kesesuaiannya, mampu untuk menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.
- 4) Penggunaan senjata biologi untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, mengeluarkan atau melepaskan apa-apa yang boleh menyebabkan penyakit (menghasilkan wabak) mikroorganisma dan/atau secara biologi menghasilkan toksin (termasuk secara genetik ubahsuai organisma dan secara kimia dalam penghasilan toksin secara tiruan) yang mana mampu untuk menyebabkan lumpuh, ketidakupayaan atau kematian dikalangan manusia ataupun haiwan.

## **PENDEDAHAN**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian ke atas **Orang Diinsuranskan** yang diakibatkan oleh pendedahan **Orang Diinsuranskan** kepada unsur semula jadi apabila berlakunya **Kemalangan** tersebut.

## **KEHILANGAN**

Jika selepas tempoh 1 tahun dari tarikh **Orang Diinsuranskan** telah dilaporkan hilang dan tidak ada bukti untuk mencadangkan bahawa sesuatu yang lain daripada **Kemalangan** dimana kebarangkalian mengakibatkan kematian **Orang Diinsuranskan** telah berlaku, kehilangan **Orang Diinsuranskan** akan dianggap sebagai tuntutan di bawah Polisi ini. Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat dan **Orang Diinsuranskan** didapati hidup, apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh **Kami** dalam penyelesaian tuntutan ini akan dikembalikan kepada **Kami**.

## **MENUNGGANG MOTOSIKAL**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain semasa **Orang Diinsuranskan** menunggang atau membonceng motosikal untuk tujuan persendirian atau perniagaan dengan syarat **Orang Diinsuranskan** memakai topi keledar yang telah diluluskan dan memiliki lesen memandu yang sah. **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran sekiranya **Orang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam perlumbaan, perlumbaan yang bergerak dengan kelajuan yang cepat, pertandingan kelajuan, percubaan kebolehpayaan atau percubaan-percubaan lain.

## **GIGITAN HAIWAN ATAU ULAR, SERANGGA YANG BERBAHAYA, ATAU KERACUNAN MAKANAN**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain akibat gigitan haiwan atau ular, serangga berbahaya (tidak termasuk nyamuk dan sebarang serangga penyebab penyakit lain) atau keracunan makanan yang tidak sengaja.

## **PEMBUNUHAN, SERANGAN ATAU PENCULIKAN**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain akibat serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaan atau penculikan dengan syarat peluasan ini tidak berlaku jika peristiwa tersebut disebabkan oleh provokasi oleh **Orang Diinsuranskan** atau **Orang Diinsuranskan** melakukan atau bermaksud untuk melakukan perbuatan tersebut.

## **BENCANA ALAM**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang disebabkan oleh gempa bumi, angin ribut, banjir, letupan gunung berapi, petir, ribut taufan, angin puting beliung, badai, ombak dan/atau air pasang surut.

## **SUKAN AMATUR**

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain semasa **Orang Diinsuranskan** terlibat dalam sukan dalaman atau luaran sebagai amatur tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan dalam Pengecualian Am.

## RAMPASAN

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain semasa **Orang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan dalam pesawat sebagai penumpang berbayar melalui laluan udara yang ditetapkan dalam pesawat yang berlesen sepenuhnya yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang diiktiraf atau transit darat sebagai penumpang berbayar atau tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan dalam Pengecualian Am.

## KEMABUKAN

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain akibat daripada kemabukan oleh alkohol melainkan seperti yang dilarang di bawah undang-undang dan/atau ubat-ubatan yang mesti dipreskripsikan oleh **Pengamal Perubatan**.

## LEMAS DI DALAM AIR, PENYEDUTAN GAS, LEMAS AKIBAT ASAP ATAU WASAP BERACUN

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan**, **Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain akibat kemalangan lemas di dalam air, penyedutan gas, lemas akibat asap atau wasap beracun.

## MEMBURU

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan** atau **Kehilangan Upaya Kekal** semasa **Orang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam aktiviti memburu dengan syarat kegiatan memburu sedemikian dilakukan oleh **Anda** untuk tujuan rekreasi dan tempoh yang pendek dan bukan sebagai seorang profesional.

## LOMPATAN BUNGEE

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan** atau **Kehilangan Upaya Kekal** semasa **Orang Diinsuranskan** terlibat dalam lompatan bungee.

## AKTIVITI DALAM AIR

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian **Orang Diinsuranskan** atau **Kehilangan Upaya Kekal** semasa **Orang Diinsuranskan** terlibat dalam aktiviti air (sehingga kedalaman 50 meter sahaja) yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan dengan syarat aktiviti sedemikian dijalankan sebagai rekreasi dan bukan sebagai seorang profesional. **Orang Diinsuranskan** mestilah mempunyai sijil penyelam skuba dari badan penyelam skuba profesional yang diiktiraf dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan kelayakan **Orang Diinsuranskan**.

## FASAL PENGECCUALIAN CORONAVIRUS (COVID-19)

Walau apa pun peruntukan yang bertentangan, insurans ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, perbelanjaan, denda, penalti atau apa-apa jumlah lain secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berkaitan dengan, atau dalam apa-apa cara yang melibatkan atau akibat daripada Coronavirus (COVID-19) termasuk apa-apa mutasi atau variasinya, termasuk sebarang ketakutan atau ketakutan daripadanya, sama ada benar atau persepsi.

## FASAL PENGECCUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT SEMASA PHEIC (PINDAAN LMA5500)

- 1) Insurans ini tidak melindungi tuntutan dalam apa jua cara yang disebabkan oleh atau akibat daripada penyakit berjangkit, yang wabaknya telah diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- 2) Pengecualian ini hendaklah terpakai kepada tuntutan yang dibuat selepas tarikh apa-apa pengisytiharan, selain daripada diagnosis yang berkaitan telah dibuat oleh pengamal perubatan bertauliah sebelum tarikh pengisytiharan tersebut.
- 3) Pengecualian ini akan terus digunakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik mana-mana PHEIC yang berkaitan.
- 4) Penyakit berjangkit atau berjangkit bermaksud sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada orang, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada orang, haiwan atau spesies lain melalui sebarang cara.

## BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN

**Anda** boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada **Kami**. Notis tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh **Kami** menerima notis **Anda** atau tarikh yang dinyatakan dalam notis **Anda**, yang mana terdahulu. **Kami** akan membayar balik premium berdasarkan kadar pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat di bawah Polisi ini dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60.00.

**Kami** boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar **Anda** 14 hari notis bertulis kepada alamat emel atau alamat pos / alamat pos berdaftar terakhir **Anda** yang diketahui oleh **Kami** dan **Kami** akan membayar balik premium pada kadar pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

## BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN

### Notis dan Bukti Tuntutan:

Sebarang kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini hendaklah dilaporkan kepada **Kami** secara bertulis dalam masa 30 hari selepas ia berlaku dan



- 1) **Orang Diinsuranskan** hendaklah tanpa kelewatan mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan**.
- 2) Segala Sijil, Maklumat dan Bukti akan dilengkapkan kepada **Kami**.
- 3) **Kami** tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kematian, kerugian atau **Kehilangan Upaya Kekal** sekiranya tuntutan tidak dimaklumkan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas **Kemalangan**.

**Orang Diinsuranskan**, waris terdekat **Orang Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Orang Diinsuranskan** yang sah boleh menghantar dokumen-dokumen ke email **Kami** iaitu customer@bsompo.com.my atau menyerahkannya ke Pusat Khidmat Pelanggan **Kami** di Tingkat 36, Menara Bangkok Bank, 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Sila ambil perhatian bahawa dalam keadaan tertentu, **Kami** mungkin memerlukan maklumat tambahan; Tanggapan awal **Anda** akan mempercepatkan proses tuntutan **Anda**.

## BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA

### Salah Nyataan /Penipuan

Polisi ini akan menjadi tidak sah dalam mana-mana keadaan berikut:

- 1) Jika cadangan atau pengisytiharan **Diinsuranskan** tidak benar,
- 2) Jika ada fakta material yang mempengaruhi risiko salah dinyatakan atau ditinggalkan oleh **Diinsuranskan**,
- 3) Sekiranya insurans atau pembaharuan ini diperolehi melalui salah nyata, salah nyataan atau penindasan,
- 4) Jika ada perisytiharan palsu, kenyataan palsu, tuntutan penipuan atau dibesar-besarkan yang dibuat oleh **Diinsuranskan**.

### Perakuan, Maklumat Dan Bukti

Semua dokumen (sijil, maklumat, laporan dan bukti perubatan) seperti yang dikehendaki oleh **Kami** hendaklah diserahkan atas perbelanjaan **Orang Diinsuranskan**, dan dalam apa-apa bentuk yang **Kami** mungkin menghendaki.

### Undang-Undang

Polisi ini dikawal oleh, dan hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

### Bidang Kuasa

Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Polisi ini akan ditentukan oleh mahkamah di Malaysia.

### Insurans Lain

Jika pada masa kehilangan, kerosakan atau liabiliti yang timbul di bawah Polisi ini, terdapat insurans lain yang disediakan oleh syarikat lain yang melindungi **Orang Diinsuranskan** untuk kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, **Kami** hanya akan memberi pembayaran mengikut kadar yang berpatutan.

### Pihak Berminat

**Kami** akan melainkan diperuntukkan secara nyata oleh **Pengendorsan** ke atas Polisi ini berhak untuk menganggap **Diinsuranskan** sebagai pemilik mutlak polisi dan tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan yang saksama atau lain-lain atau kepentingan dalam Polisi. Penerimaan oleh **Diinsuranskan** atau wakil peribadi **Diinsuranskan** yang sah akan menjadi pelepasan yang lebih berkesan bagi semua tanggungjawab dan liabiliti **Kami** kepada **Diinsuranskan**.

### Mata Wang

Semua pembayaran di bawah Polisi ini hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Diinsuranskan** diwadkan atau mendapat rawatan di luar Malaysia dan dikemukakan bil selain daripada Ringgit Malaysia, pembayaran balik akan dilakukan dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran pasaran mata wang yang lazim pada tarikh rawatan/diwad atau keluar dari hospital yang mana lebih rendah.

### Umur

Umur kelayakan untuk **Orang Diinsuranskan** layak mendapat perlindungan di bawah Polisi ini adalah antara 30 hari dan 70 tahun, dengan pembaharuan Polisi hingga 80 tahun.

### Penamatan Perlindungan

Perlindungan terhadap **Orang Diinsuranskan** akan ditamatkan:

1. Di tengah malam (waktu Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans**;
2. Apabila **Orang Diinsuranskan** mencapai umur 80 tahun;
3. Apabila Polisi dibatalkan; atau
4. Apabila kematian **Orang Diinsuranskan**.

### Hak Pemulihan

Sekiranya **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa telah membenarkan pembayaran yang ditanggung oleh **Orang Diinsuranskan** yang tidak bertanggungjawab oleh **Kami**, **Kami** atau pembekal perkhidmatan **Kami** yang diberi kuasa berhak untuk mendapatkan kembali jumlah penuh yang dibayar kepada **Orang Diinsuranskan**.

**Liabiliti**

- 1) Tiada pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran yang boleh dibuat oleh **Orang Diinsuranskan** atau bagi pihak **Orang Diinsuranskan** tanpa persetujuan bertulis dari **Kami** terlebih dahulu. **Kami** berhak jika berkeinginan untuk mengambil alih dan mengendalikan pembelaan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau menuntut atas nama **Orang Diinsuranskan** demi kepentingan **Kami** sendiri untuk tuntutan ganti rugi atau sebaliknya. **Kami** akan mempunyai budi bicara penuh dalam pengendalian mana-mana prosiding dan/atau dalam penyelesaian mana-mana tuntutan dan **Orang Diinsuranskan** hendaklah memberikan segala maklumat dan bantuan yang dikehendaki oleh **Kami**.
- 2) Sekiranya berlaku **Kemalangan**, **Kami** akan membayar **Orang Diinsuranskan** Had Indemniti di bawah Manfaat 1.4 atau apa-apa jumlah yang lebih rendah yang mana pampasan tersebut dapat diselesaikan. Apabila pembayaran dibuat, **Kami** tidak akan mempunyai liabiliti lanjut berhubung dengan **Kemalangan** tersebut melainkan pembayaran di bawah Manfaat 1.4.2 yang ditanggung sebelum tarikh pembayaran Manfaat 1.4.1.

**Sanksi Had Fasal Pengecualian**

Tidak ada syarikat insurans hendaklah disifatkan untuk memberi perlindungan dan tidak ada syarikat insurans akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat dibawah ini kepada tahap di mana penyediaan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat seperti itu akan mendedahkan syarikat insurans itu untuk apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi PBB atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat dagangan atau sekatan ekonomi.

**Subrogasi**

**Kami** berhak untuk mendapatkan pampasan atas nama **Orang Diinsuranskan** daripada mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kerugian atau kerosakan kepada item yang dilindungi oleh Polisi ini dengan perbelanjaan **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami**.